

Headline	Kes pelacuran remaja bawah umur meningkat		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	13 Dec 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	U9	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	153 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 842
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,525



## Kes pelacuran remaja bawah umur meningkat

**SUNGAIULAR** - Penglibatan remaja perempuan bawah umur dalam kes pelacuran dan pengedaran dadah semakin membimbangkan apabila ada dalam kalangan orang tengah sengaja mengaut keuntungan dari hasil kerja melacur remaja terlibat.

Ketua Polis Daerah Kulim, Superintendan Ghuzlan Saleh berkata, sehingga kini, polis mengenal pasti beberapa kawasan dan rumah persendirian yang menempatkan remaja perempuan sebelum ia diambil oleh pelanggan.

D a r i tangkapan di-

buat, kebanyakan mereka terlibat akan mengenakan bayaran di antara RM100 hingga RM150 kepada pelanggan bagi perkhidmatan seks yang diberikan.

"Penglibatan sindiket pelacuran remaja bawah umur melibatkan pelajar sekolah. Polis sedang memantau di beberapa lokasi yang sering dijadikan tempat penempatan sementara ibu dan bapa ayam sebelum remaja-remaja ini diserahkan kepada pelanggan.

"Saya ingin mengingatkan supaya tidak terlibat atau menjadi pelanggan kepada sindiket ini, kerana mereka menggunakan perkhidmatan seks remaja bawah umur. Sekiranya ditahan, semua pelanggan terlibat boleh disiasat di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana merogol," katanya.



**“ Sehingga kini, polis sedang memantau beberapa lokasi yang sering dijadikan tempat penempatan sementara ibu dan bapa ayam sebelum remaja-remaja ini diserahkan kepada pelanggan. ”**

**Ghuzlan**